

Pembangking tidak halang sesiapa jadi PM

— Chandra

UM 19 JUN 2000

PETALING JAYA 18 Jun — Timbalan Presiden Keadilan. Dr. Chandra Muzaffar berkata, pakatan pembangking sememangnya tidak menghalang pemimpin bukan Melayu untuk menjadi Perdana Menteri.

Menurutnya, pemimpin pembangking menyedari bahawa ruang untuk keturunan kaum minoriti seperti Cina dan India untuk menjawat jawatan tersebut adalah terbuka sekiranya ia mendapat sokongan majoriti di Dewan Rakyat.

“Itulah prinsip perlembagaan kita. Jadi apa yang Perdana Menteri katakan adalah termaktub dalam perlembagaan,” katanya pada sidang media selepas berakhirnya persidangan agung tahunan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) kedua di sini hari ini.

Dibelunggu

Dr. Chandra mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam yang menyebut, suatu hari nanti jawatan Perdana Menteri akan disandang oleh orang keturunan Cina dan India, iaitu apabila rakyat Malaysia tidak lagi dibelunggu soal perkauman.

Dr. Mahathir bagaimanapun menegaskan perkara itu hanya boleh berlaku sekiranya semua kaum terutama orang Melayu dapat menerima orang Cina, India atau bumiputera lain untuk menduduki jawatan tersebut.

Mengulas lanjut, Dr. Chandra berkata, peruntukan Perlembagaan Persekutuan secara jelas menyatakan ahli parlimen yang mendapat sokongan majoriti adalah layak untuk dilantik sebagai Perdana Menteri.

Bagaimanapun, jelas beliau, berdasarkan senario politik tempatan sejak sekian lama, secara lazimnya jawatan tersebut hanya diperuntukkan kepada orang Melayu.